

ARKIB : 03/08/2000

## Sekolah bestari -- "Saya rela dipanggil pengemis" - Noor Rezan



Noor Rezan Bapoo Hashim.

PENGETUA Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan (SMK (P)) Bukit Bintang Kuala Lumpur, Noor Rezan Bapoo Hashim berkata, beliau sanggup dipanggil pengemis atau gila glamor, asalkan hasrat membangunkan sebuah sekolah bestari yang diidam-idamkan menjadi kenyataan.

Pengalaman pahit getir beliau sehingga pernah jatuh sakit akibat terlalu memikirkan bagaimana untuk mewujudkan sebuah sekolah bestari, diceritakannya semasa membentangkan kertas kerja pada Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-9 di Institut Aminuddin Baki (IAB) di Sri Layang, Pahang semalam.

"Saya mengakui bahawa saya adalah seorang yang oportunistis, saya akan menggunakan segala kesempatan dan peluang - apa sahaja yang ada - untuk mencukupkan dana bagi menjayakan sebuah sekolah bestari yang bermula daripada sifar," katanya bersungguh-sungguh.

Tanpa peruntukan sesen pun daripada Kementerian Pendidikan kerana terikat dengan pakej kontrak kompleks bestari SMK Seri Bintang - Noor Rezan dan warga sekolah itu yang pelbagai ragamnya, menggerakkan usaha, mengerah segala kudrat mencari peruntukan secukupnya untuk melengkapkan infrastruktur sekolah dengan infrastruktur sewajarnya.

SMK (P) Bukit Bintang di Kuala Lumpur telah dikategorikan sebagai sekolah bestari taraf A, yang bermakna segala kemudahan dari aspek fizikal dan kemudahan-kemudahan teknologi maklumat disediakan oleh pihak pemaju, sementara pihak sekolah tidak perlu membuat apa-apa persiapan dari segi kemudahan, mahupun peralatan.

Ini berbeza dengan sekolah bestari taraf B + seperti Sekolah Menengah (SM) Alam Shah dan SM Sains Selangor yang telah pun diberi tempoh masa selama setahun untuk menyedia dan melengkapkan bilik-bilik bestari dengan komputer serta peralatan-peralatan lain.

"Warga SMK (P) Bukit Bintang begitu gembira dengan keistimewaan yang diberikan kepada sekolah kami.

"Tetapi malang menimpa dan kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara baru-baru ini memberi implikasi kepada SMK (P) Bukit Bintang," katanya.

Tambahan pula, kata beliau, seluruh warga sekolah tidak dapat berpindah ke bangunan baru SMK Seri Bintang kerana pembinaan di premis baru tergendala.

"Jadi, pihak sekolah terpaksa memulakan sistem bestari di premis lama yang serba kekurangan dan tidak bersedia de-ngan sebarang prasarana," katanya.

Untuk memulakan projek bestari di sekolah itu merupakan pengalaman yang hebat kepada Noor Rezan, yang menggunakan segala sumber yang ada untuk mengumpul dana - tokoh korporat, ahli politik, orang perseorangan, ibu bapa dan sebagainya.

Pada awalnya, sekolah berkenaan mempunyai beberapa masalah dankekangan yang tidak mungkin dapat diatasi tanpa semangat kental seorang pentadbir sekolah serta anak-anak buahnya yang pelbagai ragamnya - yang baru dan yang lama.

Kata beliau, pihak sekolah menghadapi masalah mencari bilik-bilik darjah yang sesuai untuk dijadikan bilik bestari, selain kekurangan komputer yang bilangannya cuma tiga buah pada 1999, iaitu dua unit di pejabat dan sebuah lagi di bilik ketua bidang.

Beliau memerah fikiran, mencongak-congak bagaimana untuk menyediakan infrastruktur bestari kepada bilangan pelajar juga cukup ramai sehingga ada kelas yang mempunyai 45 murid - iaitu mengatasi bilangan sekelas yang sepertutunya 35 pelajar sahaja.

Katanya, kelab komputer yang sedia ada ketika itu juga tidak aktif .

Terdapat 13 buah komputer kepunyaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah ketika itu , tetapi hanya lapan yang digunakan,.

"Yang lain mengalami kerosakan cakera keras," katanya.

Beliau menambah, menyusul kemudian ialah masalah sumber tenaga di sekolah yang berhadapan dengan masalah logistik.

Lebih kurang 40 guru baru masuk ke SMK (P) Bukit Bintang setelah 32 guru lama bertukar ke sekolah lain kerana tidak berminat untuk berpindah ke premis baru di SMK Seri Bintang, iaitu kompleks baru sekolah bestari, yang telah lama tertangguh pembinaannya itu.

Guru baru ini datang dari sekolah yang berbeza-beza dan membawa budaya yang berbeza-beza juga. Jadi, tugas pentadbir ialah membudayakan semua guru ini ke arah satu budaya bestari yang mantap dan sehalia.

"Ini merupakan satu cabaran yang besar," ujarnya.

Menurut beliau, hampir 12 guru yang dihantar agak lewat - iaitu pada Mac dan Mei - tidak pernah menerima sebarang pendedahan bestari dan ada yang belum pernah berpengalaman mengajar.

"Guru-guru baru dan muda ini, khususnya dari kawasan pedalaman seperti dari tanah rancangan Felda - mengalami pelbagai masalah seperti kurang yakin menangani kerohanian pelajar di ibu kota yang mencabar dan pintar, tidak dapat mengawal kelas, kurang berkeyakinan dalam ilmu yang ada pada diri mereka dan sebagainya," ujar beliau.

"Walau masih muda, guru-guru ini melakukan tugas tambahan yang menekan mereka, iaitu mencari dana," katanya.

Oleh kerana berlaku kekurangan bilik darjah, pihak sekolah telah mengenal pasti dua bilik untuk dijadikan bilik bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran bestari, iaitu bilik perpustakaan junior (tingkatan satu dan dua) serta bilik perpustakaan senior (tingkatan enam) yang dipenuhi dengan buku-buku serta perabot.

"Pihak sekolah terpaksa memunggah dan memindahkan semua buku dan rak ke tempat lain.

"Bilik perpustakaan junior terpaksa dipasang dengan jerji demi keselamatan perkakasan," katanya.

Kata beliau, meja-meja hexagonal selaku work station diberi oleh koperasi sekolah berjumlah 24 buah yang berharga RM4,800.

"Untuk mendapatkan komputer, pelbagai inisiatif dilakukan," katanya.

Pihak sekolah telah mengenal pasti 13 unit di Kelab Komputer Sekolah.

Dengan persetujuan PIBG, kelab berkenaan dibubarkan dan semua komputer digunakan untuk program bestari, kata Noor Rezan.

Pihak sekolah juga, tambah beliau, memohon sumbangan komputer - sama ada yang baru atau terpakai - daripada institusi kewangan, badan berkanun dan sektor swasta di sekitar Lembah Klang.

"Hasil daripada usaha murni itu, pihak sekolah menerima 29 buah komputer.

"Kebanyakan komputer ini kemudiannya dinaikkan taraf," ujarnya.

Pihak guru juga mengadakan Malam Seri Bintang yang kemudiannya berjaya mengumpulkan RM30,000 bersih.

Selain itu, pihak sekolah tiada pilihan lain, melainkan mencairkan simpanan tetap sekolah berjumlah RM60,000.

"Walau duit simpanan kami habis, saya sungguh berpuas hati dengan pencapaian sekarang," katanya.

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0803&pub=utusan\\_malaysia&sec=Gaya\\_Hidup&pg=ls\\_01.htm#ixzz2vo1AOnq3](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0803&pub=utusan_malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_01.htm#ixzz2vo1AOnq3)

© Utusan Melayu (M) Bhd